

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA PANDUAN 16****PROSEDUR PENYENARAIAAN UNTUK PENYENARAIAAN ASING**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa: 3 Ogos 2009	Kaedah 5.02
Tarikh semakan: 2 Januari 2018	

1.0 Pengenalan

1.1 Nota Panduan ini menyatakan kehendak berikut berhubung permohonan penyenaiaan oleh sebuah perbadanan asing yang ingin memohon untuk diterima masuk di senarai utama Pasaran ACE bawah Kaedah 5.02:

- (a) prosedur untuk penerimaan masuk;
- (b) borang dan dokumen sokongan permohonan penyenaiaan dan sebut harga (jika terpakai);
- (c) aku janji dan pengesahan oleh pemohon dan para pengarahnya; dan
- (d) kehendak lain yang berkaitan.

2.0 Prosedur yang berkaitan dengan penyenaiaan utama syarikat asing

2.1 Prosedur yang berkaitan dengan penerimaan masuk yang dinyatakan dalam perenggan 2.0 Nota Panduan 15 terpakai untuk penyenaiaan sebuah perbadanan asing yang ingin memohon untuk diterima masuk di senarai utama Pasaran ACE.

3.0 Borang dan dokumen sokongan permohonan penyenaiaan

3.1 Pemohon mesti menyerahkan simpan dengan Bursa permohonan penyenaiaan yang terdiri daripada yang berikut:

- (a) permohonan, dalam borang dari Bahagian A Tambahan GN15-A; dan
- (b) dokumen sokongan yang ditentukan dalam Bahagian B Tambahan GN15-A dan Lampiran GN16-A.

Nota Panduan 16
Prosedur Penyenaraian untuk Penyenaraian Asing

4.0 Aku janji

4.1 Pemohon mesti memberikan satu aku janji kepada Bursa dalam bentuk Tambahan GN15-B.

4.2 Pemohon mesti memastikan bahawa -

- (a) setiap pengarahnya memberikan satu aku janji kepada Bursa dalam bentuk borang dari Tambahan GN5-C; dan
- (b) setiap pengarah yang atau telah dilantik sebagai pengarah bebas memberikan kepada Bursa satu surat dalam bentuk dari Tambahan GN15-D.

Tambahan NP16-A
Dokumen untuk difailkan dengan permohonan penyenaian

TAMBAHAN GN16-A

Dokumen-dokumen untuk difailkan dengan permohonan penyenaian
(perenggan 3.1(b))

- (1) Pemohon mesti menyerahkan simpan dokumen berikut dalam menyokong suatu permohonan penyenaian:
 - (a) satu pengesahan bahawa ia dapat mematuhi Kehendak Penyenaian, jika terpakai, setakat mana pematuhan tersebut tidak melanggar undang-undang tempat ia diperbadankan;
 - (b) jika pemohon tidak dapat mematuhi Kehendak-kehendak Penyenaian, satu laporan dari seorang penasihat undang-undang bebas yang menjelaskan mengapa pematuhan dengan peruntukan Kehendak-kehendak Penyenaian yang berkaitan akan melanggar undang-undang tempat ia diperbadankan; dan
 - (c) sebagai tambahan, bagi sebuah perbadanan asing, satu salinan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar bawah Pembahagian 1 Bahagian V Akta Syarikat.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak terpakai atau tersedia dalam hal apa pun, pemohon mesti menyerahkan ekshibit yang menerangkan mengapa dokumen tersebut tidak terpakai atau tersedia.

[Tambahan tamat]